

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.11A/(81)

16hb. Disember, 1980

Ketua Kementerian/Jabatan

Akauntan Perbendaharaan

Jabatan Mengakaun Sendiri

Pejabat Cawangan JAN

Bendahari Negeri

Tuan,

## **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 1980**

### **KADAR CARUMAN K.W.S.P. YANG BARU**

Sementara menunggu Pekeliling resmi dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan mengenai perkara yang tersebut di atas adalah dimaklumkan bahawa Jadual Ke Tiga dan Ke Empat kepada Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 telah dipinda di mana kadar caruman oleh pekerja dinaikkan kepada 9% dan caruman oleh majikan kepada 11%. Perkara ini telah diwartakan oleh Kerajaan melalui P.U. (A) 324 pada 20hb. November, 1980.

2. Kadar caruman yang baru untuk Kumpulanwang Simpanan Pekerja adalah berkuatkuasa mulai 1hb. Disember, 1980. Oleh itu semua Kementerian/Jabatan dikehendaki mengambil tindakan memotong gaji pegawai dan kakitangan bagi bulan Disember, 1980 mengikut kadar yang baru itu. Sekiranya Kementerian/Jabatan tidak dapat membuat demikian dalam masa yang diberi atas sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan, tindakan untuk memotong perbezaan caruman K.W.S.P. bagi pegawai berkenaan hendaklah dibuat pada gaji bulan Januari, 1981.

3. Bagi Kementerian/Jabatan yang menggunakan perkhidmatan Bahagian Gaji, Jabatan Akauntan Negara, potongan caruman mengikut kadar yang lama telah pun dibuat bagi bulan Disember. Oleh itu tambahan caruman bagi bulan Disember ini akan dibuat pada bulan Januari, 1981 dengan cara automatik oleh pihak Jabatan ini melalui sistem komputer yang digunakan sekarang. Oleh itu tiada apa-apa tindakan perlu diambil oleh Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

4. Pembayaran gaji untuk bulan Disember, 1980 dengan vaučer berasingan hendaklah menggunakan kadar baru untuk caruman K.W.S.P. Sekiranya ada vaučer berasingan yang telah dibayar mengikut kadar lama, perbezaan diantara kadar baru dan kadar lama bagi caruman pekerja berkenaan hendaklah dikutip dari pekerja tersebut dan dimasukkan balik ke Vot gaji Kementerian/Jabatan berkenaan sebagai suatu 'Kredit perbelanjaan'. Vaučer pembayaran mengandungi caruman dari pekerja dan majikan hendaklah disediakan dan dibayar kepada K.W.S.P. mengikut jadual yang ditentukan.

5. Kementerian/Jabatan yang mengalami kesulitan mengenai perkara ini bolehlah berhubung dengan Jabatan ini (nombor talipon 947022) bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara

Malaysia.